

NO. SOALAN : 30

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN
JUSOH [SETIU]**

SOALAN :

YB. Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan jumlah syarikat yang telah dikesan menjalankan aktiviti penipuan umrah sehingga kini, serta hukuman yang telah dikenakan terhadap mereka.

JAWAPAN : YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Secara keseluruhannya, sepanjang tahun 2012 sehingga Februari 2015, pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia telah mengambil tindakan ke atas 50 kes aduan berkaitan pengendalian pakej umrah yang melibatkan 41 buah syarikat pengendali pelancongan yang menganjurkan pakej umrah dan melakukan kesalahan di bawah Akta Industri Pelancongan (AIP) 1992. Kementerian telah mengambil tindakan pendakwaan dan pembatalan lesen sewajarnya ke atas syarikat yang berkenaan selaras dengan peruntukan di bawah Akta Industri Pelancongan 1992. Dalam hal ini, sebanyak 38 buah syarikat telah dikenakan kompaun yang berjumlah RM 172,000.00 manakala tiga (3) buah syarikat pengendali pakej umrah telah dikenakan tindakan pembatalan lesen kerana telah melanggar Akta Industri Pelancongan (AIP) 1992.

Sekian, terima kasih.